

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin

Jawatan: Naib Cancellor USIM (1999 - 2009)

Tarikh temuramah: 6 Julai 2007

Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Marhaniza Abdul Halim (Pustakawan Kanan)

.....

Harianti: Assalamualaikum w.b.t. Dato', boleh ceritakan bagaimanakah idea asal penubuhan USIM?

Dato' Shukor: Idea penubuhan aa USIM atau dulunya KUIM yeh, aaa atau kita nak katakan penubuhan aa sebuah universiti islam berteraskan islam aa sebenarnya telah berlaku atau telah wujud fikrah ini atau pandangan ini atau usahanya sejak dari tahun 60an lagi (berdehem) kemudian tahun 70an aa [ada ketika itu Kolej Islam Malaya sudah di sudah ada, aa ianya ternyata pada tahun 70, apabila UKM aa Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan dan fakulti, 3 fakulti utama pada ketika itu ialah salah satunya ialah fakulti pengajian islam. Selepas itu aa fakulti pengajian islam berterusan aa dan aa usaha untuk menubuhkan aa sebuah universiti berteraskan islam ini masih ada ideanya aa dan aa ianya aa apabila aa Dato' Seri Najib Tun Razak ketika dia jadi menteri pengajian tinggi menteri pelajaran aa menteri pendidikan pada ketika itu aa ia melihat aa perlu ada satu pusat pengajian tinggi islam aa yang aa boleh menampung

dan memperkembangkan lagi iaitu pengajian islam ini secara yang lebih teratur dan cara aa lebih dinamik yang aa diantatra hasratnya untuk melahirkan aa apa ayang dikatakan ulama yeh intelek intelek ulama yang bersepadu lah pengajaran bersepadu dengan aa penguasaan bahasa arab yang lebih baik dan penguasaan bahasa-bahasa asing yang lain juga terutama bahasa inggeris jadi idea ini aaa dihidupkan dan aa kalau tak silap saya dato' seri najib telah menggunakan di terengganu iaitu di apa ni besut salah satu ucapan dia. Dia menyatakan kita bersedia dan mahu menubuhkan univerisiti atau kolej universiti yang berteraskan pengajian islam dengan pengantar bahasa arab aa dan penguasaan ilmu sistematik yang baik jadi idea itu aa telah dikembangkan dan diantara orang yang ada pada ketika itu ialah aa saya juga dipanggil untuk menyediakan sedikit kertas ringkas dan aa Tan Sri Anuar Ali pada ketika itu sebagai ketua pengarah bahagian pengajian tinggi ini aa dan aa Tan Sri Hamid Osman aa masa itu Tan Sri Hamid Osman menteri di jabatan perdana menteri dan apa ni allahyarham aa kolej sultan zainal abidin masa itu pengarah kolej sultan zainal abidin saya namanya kalau tak silap saya Dr. Ahmad Syukri dipanggil dan aa kertas pertama yang kita bentangkan ialah untuk menyediakan satu kertas kabinet tentang penubuhan kolej kita dah mencari macam mana caranya maka Dato' Seri Najib setuju kita menubuhkan apa yang dinamakan Kolej Universiti dulu aa dimana mempunyai dibawah aa akta Kolej Universiti tahun 71 dan sebagainya aa untuk membolehkan kita ada 'authority' tersendiri iaitu senat sendiri dan aa standard sendiri status sendiri aa membolehkan kita beroperasi sebagai sebuah university college aa dan aa kita sediakan kertas itu untuk kabinet

dan aa Yang Amat Berhormat pada ketika itu Yang Amat Berbahgia Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri aa telah bersetuju tentang penubuhan tersebut aa dengan aa beberapa pandangan² bahawa penubuhan aa Pengajian Islam ini bukan tujuan untuk hanya membanyakkan bilangan pelajar bukan tujuan hanya untuk meluaskan atau membanyakkan bangunan atau sebagainya aa kerana kalau itu tujuannya dia boleh diperbesarkan yang sedia ada aa kalau kita nak banyakkkan bilangan pelajar maknanya Fakulti Islam boleh menerima lebih pada ketika itu nakkan bangunan boleh dibuat tetapi apa yang dikehendaki oleh kabinet pada ketika itu terutamanya aa Tun Mahathir dan aa Dato' Seri Najib dan pada ketika itu juga Dato' Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri aa dia dia waktu penubuhan pertama pejabat kita di aa Pandan Indah no before sebelum Pandan Indah di IPB aa Kampung Pandan dalam itu aa dia menjelaskan aa atau kabinet menjelaskan aa bahawa kita perlu ada satu pendekatan baru atau ada cara baru dalam Pengajian Islam ini kalau ini boleh diwujudkan maka kerajaan tidak ada halangan (berdehem) untuk menubuhkannya maka kita bentang kepada kerajaan aa kepada kabinet aa tentang cadangan kita aa apa yang kita nak buat pendekatan aa kefahaman tentang Pengajian Islam yang kita rasa aa tertubuhnya KUIM ini pada ketika itu adalah satu lonjakan dari segi perspektif fahaman tentang Pengajian Islam itu yang kita bawa pertama kerana sebelum kerana sebelum ini aa Pengajian Islam biasanya kita akan kaitkan dengan usuluddin, kaitkan dengan syariah, kaitkan dengan apa ni aa Usul Fiqh atau pun kaitkan dengan dakwah semata-mata aa ilmu-ilmu lain bukan dianggap dalam Pengajian Islam jadi apabila kita

membuat pendekatan bahawa Pengajian Islam ini merangkumi semua merentasi semua bidang ilmu aa termasuk penguasaan bahasanya aa termasuk apa ni ilmu-ilmu disebutkan dahulu Fardhu Kifayahnya maka kita harus ada dalam Pengajian Islam yang keduanya apabila kita menyatakan ilmu mana pun dia mesti ada asas dan mempunyai kekuatan dalam teras ilmu-ilmu Islam ini dan dia mesti juga memahami tentang ilmu-ilmu dalam bidang yang diambil aa kukuh dan bahasa yang diperlukan serta berkaitan dengan perkara-perkara yang diperlukan oleh keperluan semasa samada pasaran samada pekerjaan dan sebagainya dengan sebab itu yang hendak disimpulkan seperti kata Dato' Najib itu ulama intelek intelek ulama kita akan keluarkan ini satu pembaharuan yang keduanya kita nak memberi apa ni satu kefahaman dengan ada itu aa satu peluang kepada aliran agama, aliran agama tidak hanya mereka mengambil daripada rendah, menengah dan sebagainya akhirnya mereka keseluruhannya masuk dalam aa pengajian tradisional agama aa tradisi agama misalnya Usulluddin, Syariah walaupun kita lihat anak-anak kita yang mengambil sekolah menengah itu ada yang daripada sains ada yang mengambil ekonomi asas nya ada yang handal matematik dan sebagainya dan handal dalam bahasa tetapi akhirnya mereka semuanya pergi dalam bidang pengajian islam juga jadi kita rasa ini (berdehem) satu kerugian dalam potensi aa pembangunan sumber manusialah aa kerana kita tidak channelkan mereka ini kepada satu bidang yang mereka ada potential katakan mereka yang mengambil sains diperingkat menengah aa aliran agama ye samada dibawah kerajaan pusat atau kerajan negeri aa mereka ini mengambil sains dan mereka baik dan sebagainya tetapi akhirnya oleh

kerana kita tidak aa sediakan dan kita tidak bimbing hala tuju mereka maka akhirnya mereka akan akhirnya mengambil bahagian agama tradisional ini adalah merugikan pertama ialah sumber manusia kita katakan tadi potential manusia itu sendiri yang keduanya merugikan negara kerana kita dah aa bina mereka ini dalam bidang tertentu dengan Pengajian Islam dan sebagainya tiba-tiba mereka tidak menjadi apa yang kita harapkan diperingkat menengah nak mengambil sains diperingkat menengah mereka mengambil ekonomi asas, mtematik dan sebagainya tiba-tiba akhirnya mereka juga sama dengan mereka yang tidak mengambil sains tadi jadi ini kerugian aa dari segi negara (bunyi mulut) yang ketiganya aa kita lihat ialah aa pelajar kita kebanyakannya tertumpu kepada timur tengah pada ketika itu aa kita lihat bilangan di timur tengah sampai 6 ribu di Jordan 3 ribu pada ketika itu dan ini kita melihat aa setelah negara kita aa hampir pada ketika itu 48 tahun merdeka aa dan aa anak-anak kita Malaysia yang telah pergi ke timur tengah daripada tahun 35 lagi misalnya Tan Sri Jalil Hassan, aa Tan Sri Hassan Yunus aa Allahyarham Dato' Wan Kadir aa Dato' Zulkefli aa dan lain-lain tokoh yang lama sehingga sekarang ini mereka ini aa sudah ada pengalaman dan mempunyai kemampuan untuk kita mewujudkan satu aa pusat pengajian kita sendiri satu pendidikan islam kita sendiri aa juga berteraskan seperti mana yang ada di Azhar dan juga di universiti-universiti yang lain ertinya kita punya sumber manusia kita sudah mampu mewujudkan atau membina serta mendokong cita-cita ini aa apabila kerajaan menyokong dengan aa pembangunan sokongan peruntukan dan sebagainya aa maka hal ini kita rasa sudah sampai masanya kita mewujudkan satu pusat pengajian kita sendiri walaupun

pada ketika itu UIA sudah ada tetapi kita harus faham UIA bukanlah kepunyaan negara kita, UIA adalah dibangunkan dibawah aa perkongsian dengan Negara-negara OIC aa walaupun di akhir-akhir ini kita keseluruhan atau hampir keseluruhan membiayai tetapi pada umumnya UIA bukanlah kepunyaan 100% aa disamping itu kita melihat juga apa ni perkara yang sangat penting ialah dengan adanya peluang ini kita membuka peluang ini pada anak-anak kita aa maka aliran agama yang pada ketika itu bilangannya besar ada mempunyai saluran yang teratur aa ini satu penting aa dan kita menjamin mereka mendapat pengetahuan potential mereka dibesarkan atau disuburkan dalam keadaan yang aa secara terancang ertinya kita mempunyai satu saluran aa untuk anak-anak kita aa selain daripada itu aa perkara yang penting ialah kita juga menyahut pada ketika itu aa tentang kerajaan hendak menjadikan Malaysia ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu sekurang-kurang dirantau ini jadi kita juga tidak mahu pengajian islam ini aa diketepikan atau tidak menjadi aa dalam arus perdana dengan sebab itu kita mahu juga pengajian islam ini sebagai pusat kecemerlangan pengajian juga dirantau ini sekali mana yang dikehendaki oleh kerajaan ye. Jadi dengan sebab itu, kita perlu membawa pengajaran islam ini kedalam arus perdana. Aa ini adalah antara aa pokok utama yang kita kemukakan kepada kerajaan pada ketika itu dan kerajaan bersetuju aa untuk menubuhkan pada peringkat awalnya yang dinamakan aa kolej universiti islam atau KUIM, kolej universiti islam Malaysia ya. Jadi penubuhan itu di peringkat nasional bukannya di peringkat negeri, bukannya dibawa oleh mana-mana pihak tetapi dibuat oleh kementerian sendiri aa kementerian sendiri mengambil alih aa membina

pemikiran yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh tadi aa kita bawa satu kertas ke kabinet dan kabinet bersetuju aa kalau tak silap saya pada ermm diluluskan oleh kabinet jemaah menteri pada 11 Jun 1997 aa dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Aa kita tahu KUIM ini beroperasi sebenarnya pada tahun 2000, ini disebabkan pada 1998 dan 1999 'sorry' 1997,1998 dan 1999 ialah keadaan ekonomi kita tidak begitu baik pada ketika itu tidak membolehkan kita aa memberikan peruntukan pada ketika itu pada satu pusat pengajian tinggi baru. Dengan sebab itu ditangguhkan buat sementara maka operasinya hanya pada tahun 2000 apabila ekonomi kita baik aa pada masa itu Dato' Seri Najib menteri pengajian tinggi, eh menteri pelajaran aa kita memulakan operasi aa bermulanya pada ketika itu ialah di tingkat 5 bangunan fakulti pengajian islam di universiti kebangsaan Malaysia ya, kita menumpang satu paras lebih kurang dalam 4 bilik aa untuk kita menjalankan operasi iaitu operasi pertama aa tentang kita nak menubuhkan, aa pada masa itu saya dan Dato' Abdullah Md Zin sekarang ni menteri di jabatan perdana menteri telah ditugaskan untuk mengatur aa penubuhan ini. Mencari bangunan aa apa ni meletakkan kakitangan asas atau mewujudkan kakitangan asas iaitu pendaftarnya, bendaharinya, dan pegawai-pegawai sokongan yang diperlukan iaitu 10 orang pada ketika itu termasuk aa 3 pemandu dan 3 setiausaha aa kemudian pendaftar, bendahari, pustakawan kemudian sedikit lepas itu beberapa kakitangan sokongan. Jadi ini yang pertama di di di UKM. Selepas itu bila sudah siap sudah setup semua perkara-perkara yang diperlukan ini, aa kita oleh kerana hendak beroperasi secara pengambilan pelajar di UKM tidak boleh kerana tidak ada tempat, maka kita berpindah ke aa IPB, kita menyewa di IPB di Baitulmal

dan kita mengambil pelajar pertama lebih kurang dalam 250 orang. Pada 18 Jun mula beroperasi tahun 2000 di kampus sementara di bangunan Institut Profesional Baitulmal atau IPB aa kita mula pindah kesana pada Januari 2002, ah 'sorry' pada tahun 2000 aa lepas itu kita mengambil pelajar pertama beroperasi pada bulan Mei ataupun pada bulan Jun, pada bulan Jun rasa saya iaitu pada 15 Jun ya ha lebih kurang begitulah. Aa dan kita mengambil 250 pelajar aa selepas itu kita mula berkembang aa pertama usaha kita ialah aa bila kita hendak berkembang ini kita mengikut aktanya, kita mesti ada lembaga pengarah. So, lembaga pengarah aa kita mencadangkan kepada kerajaan beberapa nama aa untuk menjadi lembaga pengarah ini menerusi kementerian pengajian tinggi, lepas itu diangkat kepada pengerusinya dilantik oleh PM lah. Aa, PM lantik Tan Sri Yusoff Nor aa sebagai aa lembaga pengarah dan aa pengerusi lembaga pengarah dan ahli-ahli yang lain itu ada dalam buku ini kalau 'you' tengok nanti, saya pun tidak ingat semua dah. Ada semua dalam ini 'you' aa ini saya sudah tengok. Emm lepas itu kali pertama kita mesyuarat lembaga pengarah aa pada bulan April 2000 kalau tidak silap saya pada bulan April tahun 2000 di bangunan aa PWTC dimana Tan Sri Yusoff Nor pada ketika itu ialah emm ketua penerangan UMNO kalau tidak silap saya, so kita mesyuarat disitu kali pertama dan dari situlah kita boleh aa mengadakan aa akaun sendiri dan sebagainya aa untuk membolehkan kita beroperasi maka aa daripada situlah kita mewujudkan peruntukan dan sebagainya aa dan kita boleh memohon 'direct' secara kita tersendiri aa tentang peruntukan. Dan selepas itu berkembang kita lihat aa barulah kita lantik pustakawan, pembangunan dan lain-lain staf ya mula kita

mengambil pensyarah dan lain-lain lagi. Aa selepas itu pada aa 2002, kita oleh kerana pelajar kita telah ramai, di pandan indah di apa ni di IPB kita sudah tidak menampung, kita Januari 2002 kita berpindah di kampus sementara di menara A dan B di apa ni persiaran MPAJ, Pandan Indah. Jadi disitu emm kita beroperasi aa sehinggalah kita sudah hampir stabil. Pada masa yang sama, kita telahpun aa mendapatkan aa mencari kawasan untuk kampus tetap kita aa dan akhirnya kita bertemu di Nilai ini aa satu kawasan lebih kurang pada ketika itu 400 atau hampir 500 ekar tanah ini yang kita cari aa dianya dibeli. Kita mengambil secara membayar. Aa idea mendapatkan kawasan ini setelah kita meninjau rata tempat. Kita dan lembaga pengarah meninjau beberapa tempat termasuk aa kawasan-kawasan berhampiran Putrajaya aa kemudian negeri Selangor, malah negeri Pahang dan lain² negeri aa tetapi kita bertemu dan kita melihat malah dulu tanah di estet juga tabung haji kita pernah menengok dan kita hampir dah hendak ambil tetapi kita melihat bandingkan antara semua ini maka kita dapati yang sekarang ini adalah lebih strategik. Pertama, strategiknya ini ialah aa dari segi kedudukan dia, kalau saudari, kita lihat, kita duduk di simpang kata dalam bahasa mudahnya atau di tiga segi dengan 'highway' utara selatan dan 'highway' pergi ke 'airport' satu tempat. Yang keduanya kita berhampiran dengan putrajaya dan kita dimasukkan lagi dalam kawasan MSC, yang keempatnya dari segi 'airport', kalau ke 'airport' kita sangat dekat dan aa yang kelima tanah yang kita dapat ini tanah yang sedia untuk dibangunkan. Jadi tidak perlu kita banyak menghabiskan masa misalnya untuk kerja-kerja tanah 'earth work' atau sebagainya, buat jalan tidak. Dia sudah siap semuanya, infra-infra diluar itu sudah siap

termasuk elektrik, air dan sebagainya, kita hanya membawa masuk sahaja. Dan sebab itu kita memutuskan iaitu lembaga pengarah sendiri dan pengurusan memutuskan kita membangun arr mengambil tapak ini sebagai apa ni..tapak tetap kita, kampus tetap kita. Aa daripada tarikh 2002 itulah kita mula membangun aa pecah tanahnya berlaku lepas itu proses, cuma lepas itu berlaku sedikit keadaan ekonomi mungkin kita tergendala, hanya pada selepas itu berterusan pembangunan mengikut kadar yang ada hanya pada 15 Julai 2005 kita dapat berpindah sebahagiannya ke kampus tetap ini iaitu kita ada fakulti yang siap aa perpustakaan sementara, dan aa bangunan aa kontrak kontraktor itu kita gunakan tempat apa ni pembangunan dan bangunan apa ni ini sapa ni...kita punya PMC punya bangunan kita jadikan tempat HEP sepertimana yang kita tahu. Err lepas itu kita sangat minima kemudahan yang ada aa alhamdulillah aa selepas itu kita aa sudah berpindah pentadbiran ni belum siap lagi emm pada 2004 ya pada 2004 ataupun akhir 2004 bermula fasa yang kita buat sekarang ini. Jadi pada 2006, 2005-2006 kita membangunkan pentadbiran kita membangunkan aa ICT punya bangunan, dan aa infra yang lain, sukan sedikit sebanyak aa jadi sekarang ini boleh kita katakan aa pentadbiran sudah selesai paad tahun 2007 kita dapat duduk di bangunan pentadbiran dan fakulti-fakulti lain juga dapat kita laksanakan. Jadi 2007 ini sebahagian besar daripada perancangan RM-8 yang diberi kepada kita, telah kita belanjakan dan dapat kita sediakan seperti mana kita ada, infra, jalan, kemudahan-kemudahan yang lain, sukan dan lain-lain lagi secara masih serdehana lagi. Dan pada RM-9 kita dibagi peruntukan lagi aa untuk membangun atau melengkapkan lagi iaitu sepertimana yang telah kita

tawarkan sekarang ini, perpustakaan sedang dibina, Fakulti Ekonomi dan Muamalat sedang dibina, Fakulti Quran Sunnah sedang dibina, kemudahan pelajar sedang dibina. Rumah kritikal, aa pegawai-pegawai kritikal ya sedang dibina, aa kemudian aa juga kelengkapan-kelengkapan yang lain yang diperlukan sebagai sokongan kepada bangunan-bangunan yang ada untuk tempat belajar dan sebagainya aa kita menjangkakan pada 2008 iaitu pada Ogos 2008, bangunan-bangunan yang saya sebutkan tadi akan diserahkan pada kitalah. Dan kita menjangkakan RM-9 ini, rancangan Malaysia ke sembilan ini pada pertengahan 2009 aa kita akan selesai semuanya, kalau pun tidak selesai ialah Fakulti Perubatan aa kerana Fakulti Perubatan ini kita menjangkakan kita akan masukkan juga sebahagian daripada RM-10 kerana Fakulti Perubatan ini kita ada sebahagian sahaja daripada peruntukannya dan sebahagian lagi akan kita bawa RM-10 untuk melengkapkan kerana perubatan ini akan kita tempatkan yang tanah yang baru kita beli sebelah ini aa sebanyak 60 ekar perubatan, pergigian, dan juga kemungkinan aa program-program lain dalam perubatan. So itu yang secara ringkasnya sampai kepada kita berpindah sekarang ini dan dengan selesainya RM-9 kalau kita dapat selesaikan aa dengan dijangka pertengahan bulan aa 2009, kita merasakan pada ketika itu kita boleh menampung atau kita boleh menyediakan tempat untuk 10 ribu pelajar. Okay, pada masa sekarang ini pelajar kita lebih kurang dalam 4 ribu lebih sikit (berdehem) aa termasuk pelajar baru ini, kita ambil baru ini 1800. 1400 ijazah pertama dan 400 matrik. Okay, aa pada mulanya dulu kita hanya ada 3 fakulti dan 3 program pengajian, ada dalam buku itukan nanti saudara boleh tengok lepas itu kita berkembang sekarang ini 8

fakulti dengan 17 program ijazah pertama disamping itu ijazah lanjutan, master dan PhD aa dan aa kita ada dua aa apa ni pusat kecemerlangan, satu Infad, satu pusat penyelidikan yang kedua, yang tiga kita ada diploma, dua diploma siswazah, satu SPADA, satu lagi iaitu diploma guaman syarie secara professional. Aa okay para pelajar kita yang ada sekarang ini diperingkat ijazah pertama kita ada beberapa negara termasuk Australia, termasuk Singapura, Thailand, Kemboja dan juga em aa negeri-negeri Indonesia yang berdekatan dan aa insyaallah pada bulan 12 ini ha 'no' pada bulan 8 ini, mungkin pelajar-pelajar dari China dan juga pada bulan 12 pelajar-pelajar daripada Malta. Aa diperingkat ijazah lanjutan kita ada banyak negara, kita tadi ada juga daripada Iraq ya yang ijazah pertama tadi, aa ijazah lanjutan kita memang daripada mula lagi, kita ada dari Saudi, daripada Egypt daripada Jordan, daripada Africa, Pinapaso, Indonesia, aa dan lain-lain negara ya boleh dikatakan ada. Dan aa orang yang pertama, student pertama yang mendapat ijazah PhD daripada negara, daripada universiti ini ialah Saudi, orang Saudi ya. Okay aa itu dari segi perkembangan akademiknya mungkin 'you' boleh tengoklah disini ada.. kalau kita tengok, di detailkan secara tentang berkenaan fakulti itu(berdehem) okay.

Harianti:

Ok Dato', mungkin kita dah berjaya mencapai pada masa sekarang ni, tapi sebelum tu mungkin Dato' boleh imbas kembali masa mula-mula penubuhan apakah cabaran dan rintangan untuk kita nak mantapkan KUIM.

Dato' Shukor:

Aaa...saya oleh kerana ada sedikit pengalaman ye dalam penubuhan pusat pengajian ini dulu saya terlibat

misalannya Universiti Brunei, saya terlibat juga penubuhan Kolej Universiti Islam Pahang, kertas saya sediakan dan sebagainya pada peringkat awal adalah biasa kita akan menghadapi banyak cabaran aa terutama cabaran yang paling penting ialah aa kita nak mendapatkan keyakinan samada kerajaan ke..sama ada orang ramai ke..sama ada pihak masyarakat ke..malah daripada pelajar sendiri dan juga apabila kita nakkan kepada kakitangan, pensyarah adakah mereka yakin bahawa kita ini betul-betul sebuah universiti atau boleh berjaya meneruskan apa yang kita rancangkan itu, itu salah satu perkara yang sangat penting kerana kalau pelajar tak yakin kepada kita lagi, macam mana kita nak dapat pelajar, kalau kerajaan todak boleh yakin kepada kita, macammana nak dapat peruntukan apa dan sebagainya tentulah dia berhati-hati semua pihak pertama pada pokoknya kita nak memberi keyakinan kepada semua pihak yang keduanya ialah bila kita nak beri keyakinan yang perlu kita tunjukkan ialah kerja dan juga cara pengurusan kita, cara kita mengemukakan apa ni..program-program kita yang kita katakana kita mahu satu pembaharuan, apa dia pembaharuan yang kita kemukakan ini perlu ditunjukkan secara realiti bukan kita atas paper jer tapi dengan pengajian kalau kita tubuhkan dan sebagainya mesti nak nampak. Perkara yang kedua ialah aa..tentang aa apa ni kita nak mendapatkan tenaga kerana sebuah universiti baru semuanya bergantung kepada orang lain ataupun kepada kepakaran orang dengan sebab itu kita perlu dapatkan kerjasama untuk dapatkan terutamanya kepada universiti-universit dalam negara yang telah 'establish' misalnya pada UKM daripada UPM daripada USM, UIA dan lain-lain lagi sekurang-kurang sekurang-kurangnya kita mendapatkan idea yang

keduanya memang kita mendapatkan tenaga sendiri kerana tanpa bantuan samada secara langsung atau tidak kita mampu disamping itu kita perlu mengadakan hubungan dengan aa luar negara kerana kita pada peringkat awal tidak semua dalam negara dapat kita tampung kita perlu kepada kepakaran luar sebab itu kalau sudari tengok pada masa ini kita masih ramai tenaga-tenaga daripada luar dan kita juga perlu mendapat keyakinan daripada luar untuk membolehkan kita mendapat tenaga pengajar daripada luar selain daripada itu cabaran yang besarnya ialah aa dari segi kita nak menyediakan fizikal kemudahan fizikal fasilitis dan sebagainya aa infra kerana perkara-perkara inilah yang menyokong tanpa adanya infra yang mencukupi tanpa ada kemudahan fizikal yang mencukupi kita rasa kita tidak boleh membangun dengan baik sebagai contoh sewaktu kita di pandan indah kita rasa sangat sukar untuk kita nak membangunkan aa pelajar-pelajar termasuk sukan misalannya tak ada kerana kita menyewa dua bangunan tidak ada padang tidak ada tempat permainan tidak ada apa juga kita nak buat aktiviti secara atas tanahnya tak ada kerana kita dapat bangunan sahaja dengan itu ini satu cabaran yang besar aa semua pihak kena bekerja keras bagi memastikan aa pembangunan fizikal ini berjalan mengikut yang kita rancangkan apabila ianya tidak berjalan dengan baik ini menyebabkan aa pengambilan pelajar tersekat perkembangannya tersekat dan sebagainya aa ini menjadi cabaran yang besar pada peringkat awal selain daripada itu aa yang lain-lain ini peruntukan misalannya tidak ada masalah kerana negara kita menyediakan kita IPTA memang kerajaan memberi sepenuhnya selain aa perkara yang menjadi juga utama

ialah untuk mewujudkan satu pasukan kerja, satu pasukan kerja yang dia tidak memilih bidang dia sahaja ertinya 'multitasking' punya kakitangan kalau sebagai contoh ada beberapa orang yang kita lantik sebagai sokongan ye..orang yang pertama kita lantik tu seperti apa nama yang duduk cc di apa dipejabat bendahari tu apa namanya saya tak pasti apa namanya tu, dialah kerani, dialah penghantar surat, dialah tukang angkat barang semuanya pada peringkat tu, dialah juga menguruskan kalau kita nak mendapatkan barang apa semua jadi semua 'multitasking' dia buat begitu juga penolong pendaftar yang pertama ialah Wan Fariza masa itu dia semua buat, pengambilan orang, urus apa semuanya jadi masa itu kita nak wujudkan satu pasukan, pasukan ini ertinya dia paham bahawa apa saja kerja yang perlu dibuat maka dia buat, tak kira dia itu apa jadi kita nak wujudkan team ini satu usaha yang tidak senang juga kerana kita terpaksa mencari orang-orang yang memahami seperti ini. Itulah diantara cabaran yang besarnya kemudian aa kita juga nak mendapatkan aa tempat-tempat yang boleh kita mendapatkan sokongan misalannya kalau pusat pengajian islam kita pilih Azhar, kita nak menghantar orang kita pergi ke Jordan, kita nak menghantar orang kita pergi ke UK, kemana-mana orang tak tahu lagi kita masa itu, kita belum terkenal lagi kita belum mengeluarkan ijazah apa dan sebagainya jadi kita nak menghantar orang ni juga kita perlu juga mendapatkan sokongan daripada mereka jadi ini diantara apa ni..cabaran kita paksa keluar negara, pergi mengenalkan diri kita apa dan sebagainya ok..itu diantara cabaran yang besar.

Harianti:

Rentetan daripada apa yang Dato' ulaskan tadi macam mana cara USIM menarik minat pelajar-pelajar luar untuk menjadi pelajar di USIM ini.

Dato' Shukor:

Ok. Aa pada mulanya memang sukar tetapi apabila kita dah sebutkan bahawa aa pensyarah-pensyarah kita pentadbir-pentadbir kita mampu aa menunjukkan bahawa kita ada kepakaran disini misalannya apabila pelajar Saudi keluar mengambil Phd disini, kali pertama pelajar disini kali yang kedua pelajar.. daripada budak yang buat master pada kali pertama keluar nyalah daripada aa Dr 'Adil punya negeri aa 'no' apa nama ni aa Kazabi punya presiden dia punya kazabi punya presiden Allah apa namanya aa kemudian pelajar-pelajar daripada Negara-negara lain apabila dah sampai ke pengetahuan mereka disamping kita buat promosi kita panggil orang ke mari aa dan kita yang paling pentingnya ialah kita ada kepakaran ertinya aa kalau dalam kita punya pernyataan itu katakan aa dalam bidang sains, dalam bidang islam siapa pakar yang kita ada boleh tak mereka datang sini buat Phd, master dan sebagainya orang ini pernahkah aa menyelia tesis-tesis di universiti-universiti sebelum itu, jadi kepakaran mereka ini akan menjadi tarikan yang keduanya ialah kita punya pengurusan sendiri seberapa boleh memudahkan pelajar-pelajar luar ini (berdehem) jadi itu diantara perkara-perkara yang menjadi tarikan lah aa kepada pelajar-pelajar luar apa-apa pun pelajar kita disini kita membuat 'roadshow' kita memperkenalkan kepada ibubapa, sekolah kemudian kita lihat pelajar-pelajar kita yang keluar pada batch yang pertama itu dah bekerja masyarakat menerima mereka aa itu mudahlah bagi berikutnya ok..

Harianti: Apakah perancangan USIM untuk memantapkan lagi pencapaian akademik student.

Dato' Shukor: Ok...aa kita dulu atas nama KUIUM yeh selepas itu setelah kita meminta kerajaan dan kementerian pengajian tinggi sendiri memperjuangkan terutama Dato' Mustapha nak melihat supaya Kolej pada masa itu universiti ini masih lagi menjadi keraguan kebimbangan pelajar apakah ini setaraf dengan universiti-universiti lain. Jadi ada sedikit kekeliruan tentang itu walaupun statusnya kita sama dengan universiti lain, kita mengeluarkan ijazah dan sebagainya dan pengajian kita diluluskan kementerian dan sebagainya aa tetapi atas nama kolej itu diluar negara begitu juga menjadi satu perkara yang kontrovesi sikit apabila kalau kita keluar Negara bersama dengan UIA orang akan tanya kita kenapa UIA tidak ada kolej kita ada kolej jadi hendak menghantar anak dia baik dia pilih UIA ataupun aa dia mencari universiti-universiti yang lain dan sebab itu kerajaan melihat supaya perkara ini aa diselesaikan maka kita melihat pada 1 february 2007 kabinet telah bersetuju bahawa kita ditukarkan nama kepada USIM jadi perancangan kita sebenarnya meneruskan dan memperkukuhkan apa yang kita buat ketika kita menjadi KUIUM ertinya ehem (berdehem) aa sekarang ni apabila kita dinaikkan nama aa ditukar nama kepada universiti memberi satu aa cabaran pula pada kita (berdehem) bahawa kita akan lebih gerak aa ini adalah satu usaha yang sedang dijalankan iaitu kita nak meletakkan kita punya cerok ini benar-benar menjadi kenyataan kalau kita menyatakan kita pengajian bersepadu merentasi semua ilmu, kita memberi focus pengajian secara bandingan atau perbandingan kalau kita tubuh syariah dan undang-undang

secara perbandingan kita tubuh apni sains juga secara perbandingan kita tubuh komunikasi perbandingan jadi kita letakkan ceruk itu akan benar-benar pelajar kita keluar adalah diterima oleh masyarakat yang kita mempunyai dua bidang yang kuat kalau misalnya ekonomi dan muamalat, perakaunan dan islam dan sebagainya maka kita nampak kita mengajar tafsir dengan it misalan program kita maka kita nak perkukuhkan cerok perbandingan ini ataupun kita punya 'niche' ini aa sehingga kita menjadi rujukan dalam bidang-bidang tersebut, jadi kalau saya sebutkan dulu pernah saya bercakap di lima tahun pertama kita meletakkan asas so lima tahun kedua kita memastikan kita punya jati diri, lima tahun seterusnya yakni selepas ini kita akan melihat bahawa kita bukan saja mempunyai jati diri tetapi kita mempunyai kualiti dalam jati diri kita so ertinya kualiti itu kita mempunyai program bukan hanya diperingkat kebangsaan peringkat negara tetapi 'local' dan juga antarabangsa diiktiraf oleh orang kita mempunyai staf atau kakitangan pensyarah kita aa mempunyai Phd macam orang lain juga aa dan mempunyai kepakaran dan mempunyai peringkat aa penyelidikan penulisannya dan juga khidmat dia kepakaran dia diperingkat 'local' dan juga antarabangsa jadi perkara-perkara yang seperti ini kita akan terus mantapkan dan kita berusaha sebab itu sekarang ini kita apabila kerajaan nak 2010 60% pensyarah mesti ada Phd walaupun kita baru kalau kita nak lihat dari segi keperluan kita kalau boleh pensyarah ini tak boleh keluar lagi kerana kita kerana kita perlu dulu untuk mengajar tapi kita telah mengusahakan cara-cara jalan supaya pensyarah-pensyarah kita ini keluar membuat Phd kerana tahun 2010 kita nak juga macam universiti lain mencapai 60% aa mereka yang memegang Phd dalam semua bidang

pengajian disamping itu juga usaha misalannya apabila kita ada fakulti perubatan beberapa fakulti yang lain aa kita dalam aa peperiksaan professional mereka kita tidak ambil orang-orang dalam 'local' ini yee bukan kerana orang 'local' tak ada, sudah banyak tetapi kita nak ambilkan aa antarabangsa supaya pengiktirafan itu bukan hanya diperingkat itu bukan hanya diperingkat kita tetapi diperingkat antarabangsa sebab itu kita panggil 'Otago' punya professor aa kita panggil daripada timur tengah kita panggil daripada mana-mana universiti sekarang ini kita dalam bidang pengajian islam misalannya rata-rata pensyarah ada bersama kita Jordan ada, Mesir ada, Iraq ada, Sudan ada, Sumal ada, Indonesia ada, jadi mereka semua ini ada kepakaran menyumbang kepada kita lepas itu dalam bidang-bidang lain juga misalannya perubatan kita ada daripada apa ni.. aa daripada Egypt, daripada beberapa universiti yang lain semuanya ini usaha untuk meningkatkan kualiti dan kepakaran kita jadi ini untuk usaha supaya kita juga akan bersaing dengan universiti-universiti yang lain secara sihat, ini fokus kita bagi peringkat lepas 10 tahun atau selepas 8 tahun melangkah kepada aa 5 tahun berikutnya ..ok..

Marhaniza:

Selama Dato' menerajui USIM, Apakah pencapaian universiti yang Dato' dah capai cemerlang.

Dato' Shukor:

Aaa..yang saya rasa ialah pertama program-program kita ini menepati apa yang kita rancang, pertama kalau kita nak katakan pelajar-pelajar kita menguasai dua bahasa misalannya kita punya perancangan maka kita dapati para pelajar kita memang menepati walaupun tidak sepenuhnya lah tidak 100% itu biasa lah, yang keduanya pencapaian aa

graduan kita boleh berkhidmat dalam banyak sektor kerana dalam perancangan kita dulu kita punya matlamat dulu hendak melahirkan graduan yang aliran agama ini dalam semua bidang, jadi sekarang ini ada yang sudah diterima dalam P'TD, sudah diterima dalam apni..kewangan islam, dalam perbankan dan bank-bank seperti bank Rajhi, bank Negara manamana, kemudian sudah diterima dalam sektor-sektor industri aa dan sudah diterima sektor kerajaan dalam bidang masing-masing agama, guru dan sebagainya jadi kita akan melihat 'feed back' daripada mereka ini iaitu daripada aa swasta ke pada mana tempat mereka bekerja sejauh mana kemampuan pelajar kita aa dan aa 'feedback' yang kita dapat 'so far' ni Alhamdulillah mereka ini diterima dengan baik dan mereka katakan pelajar kita ada kemampuan ini bukan kita yang pergi buat tetapi mereka yang kita mintak bagi 'assessment' kepada kita jadi ini rasa saya kalau kita boleh pertingkatkan lagi dari satu tahap ke satu tahap misalannya dalam bahasa arab dulu kita tak tahu pun bahasa arab ni di 'airport' dan sebagainya bukan, ha sekarang ni kita cuba masyarakatkan bahasa arab ni sebagai bahasa ilmu bukan bahasa agama sahaja, bahasa ilmu, bahasa ekonomi, bahasa komunikasi, bahasa antarabangsa aa bahasa apni diplomatik aa maka pelajar-pelajar kita tahun satu, tahun dua, tahun tiga dah dah boleh bekerja dimanamana di 'airport' misalannya walaupun itu secara latihan mereka boleh interaksi dengan apni pelancong-pelancong dan kita telah menggunakan pelajar-pelajar kita untuk memberi latihan kepada mereka jadi ini satu pencapaian yang kita rasa yang membanggakan saya lah walaupun saya rasa kita tidak sampai kepada taraf aa yang kita masih baiki lagi tetapi ini mula menampakkan

dalam bidang kita aa kemudian kita juga pencapaian kita USIM ini apabila apani beberapa program diberi kepercayaan kepada kita misalan mengendalikan program SPADA, kaunseling atau sebagainya ini juga satu sumbangan kita kepada negara aa ini juga kemudian kita pencapaian-pencapaian biasa pelajar kita adalah seperti aktiviti mereka ini biasalah kadang-kadang mereka jadi johan debat bahasa arab, sukan dan lain-lain lagi ertinya ini juga pencapaian aa saya tidak mengatakan kita boleh berbangga dah tidak tetapi kita sudah meletakkan tapak yang kuat dan kita perlu perbaiki sehingga kita boleh bersaing dengan orang lain itu yang satu, ok.. kita yang lain-lain tu ISO, walaupun kita baru, kita ada ISO, pentadbiran kita berdasarkan kepada, pengurusan kita berdasarkan kepada kita harap seperti mana yang dikehendakkan oleh ISO. Kita sudah memiliki ISO tiga tahun, dan pada sekarang ini kita nak dapatkan aa ISO 'compliant' 'islamic compliant' aa dan kita juga masuk berani masuk sekarang ini ialah tentang pertandingan atau tentang ataupun tentang pengurusan kewangan kita setiap tahun kita dapat 'clean' apa ni 'certificates' tentang kewangan daripada audit negara jadi nini satu rasa saya walaupun kita baru kita boleh menepati apa paras yang diletakkan oleh luar, ok..

Harianti:

Apa pendapat Dato' kalau masih ada ruang kelemahan, apa yang ingin Dato' nak perbetulkan?

Dato' Shukor:

Aaa.. saya rasa apani kelemahan itu mesti ada lagi lah aa selama-lamanya kita ni mesti ada kelemahan dan ruang-ruang yang masih boleh diperbaiki kerana nak dapat 'assalute' mutlak itu tidak mungkin rasa saya aa apa yang kita perlu baiki ialah kita perlu bersama-sama, tidak boleh

pengurusan sahaja, tidak boleh lembaga pengarah sahaja, tidak boleh pensyarah sahaja, tidak boleh kakitangan sahaja tetapi kita yang saya sebutkan tadi satu pasukan berkerjasama melihat dimana kelemahan itu, system 'delivery' kita lemah, dimana letak nya?..tentulah pihak-pihak yang berkaitan juga terlibat..sistem aa program akademik kita lemah masih lagi perlu perbaiki bukan hanya pensyarah tetapi juga aa tenaga nya, perancangan kita nya, program kita nya, aa sistem apni sokongan lemah, misalan ICT apa dan sebagainya maka kita perlu tangani semuanya ini apabila apabila kita boleh perbaiki semuanya ini maka barulah kita akan dapat aa satu pembaikan yang menyeluruh kita tak boleh baiki staf sokongan sahaja, kita tak boleh baiki program sahaja, kita tidak boleh baiki ICT sahaja tetapi kita kene baiki semua mana yang kita Nampak kelemahan masih ada kita sama-sama memperbaikinya, satu pasukan dengan sebab itu kalau sistem 'delivery' misalannya aa kita lihat semuanya 'multi tasking' boleh bekerja jadi tak timbul tal cukup tenaga ke, orang tanya tak ada pegawai ke dan sebagainya tak timbul jadi ini masih banyak kita baiki dan aa kita harus aa dalam memperbaiki ini kita kene cari ambil modul, modal, model apni contoh yang dikatakan 'the best practice' dimana-mana, dimana yang terbaik dalam amalan sesuatu bidang aa misalannya kita tengok di katakan di universiti tertentu bukan didalam negeri diluar negara pun aa 'the best practices' itu yang mana kita boleh jadikan kayu ukur kita dan sebab itu kita dalam memperbaiki ini kita kena tengok model, model yang kita boleh katakan 'benchmark' kita itu dimana kita kena tuju kepada itu jadi itu usaha kitalah untuk memperbaiki kalau tidak aa kita akan hanya mendatar sahaja ok.ehem.. apa lagi..

Harianti: Ok sebagai kesimpulan, apa harapan Dato' terhadap USIM di masa hadapan.

Dato' Shukor: Aaa tentulah aa kita mengharapakan USIM ini yang kita katakan akan menjadi sebuah pusat pengajian tinggi yang tersohor bukan tersohor kerana ramai orang kerana cantik bangunan tidak tetapi tersohor adalah menjadi kebanggaan dalam bidang tertentu dan juga sumbangan keluarannya boleh diterima dan menjadi kebanggaan kepada masyarakat dan negara aa jadi aa kita hendak universiti kita ini menjadi satu masa menara ilmu yang dirujuk oleh orang aa membangunkan modal insan yang boleh diguna pakai oleh orang aa kita mempunyai apa ni pencapaian, penemuan yang aa dikagumi oleh kepakaran-kepakaran orang lain jadi kita setanding dengan orang lain sekurang-kurangnya itu yang kita harapkan kesimpulannya ok.

TAMAT

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM